

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN AMANAH SAHAM DIDIK**  
**PERINGKAT NEGERI TERENGGANU**  
**DI HOTEL GRAND CONTINENTAL**  
**14 MEI 2001**

-----

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana sudi menjemput saya ke Majlis Pelancaran Amanah Saham Didik peringkat negeri Terengganu pada petang ini. Saya difahamkan Terengganu merupakan negeri pertama yang dikunjungi dalam siri pelancaran Amanah Saham Didik peringkat negeri oleh PNB. Pada hemat saya, ini adalah satu penghormatan kepada negeri-negeri di pantai timur selepas Kelantan yang baru-baru ini telah dipilih sebagai tempat untuk menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia 2001.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PNB, kerana mampu menawarkan satu lagi saham amanah yang berpandangan jauh dan berwawasan iaitu Amanah Saham Didik. Amanah Saham Didik ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dan PNB untuk mendidik rakyat menjadi individu dan ibu bapa yang berwawasan terutama dalam merancang pelaburan untuk masa depan dan pendidikan anak-anak mereka. Usaha PNB ini patut diberi sokongan penuh oleh seluruh rakyat, terutamanya rakyat di Terengganu ini.

3. Justeru itu, Amanah Saham Didik adalah saham amanah yang mempunyai ciri atau pendekatan terbaik bagi menjana simpanan masa depan untuk pendidikan jangka panjang generasi muda. Peluang yang dibuka oleh PNB dengan membolehkan kanak-kanak berumur 6 bulan dan ke atas melabur di dalam Amanah Saham Didik menerusi ibubapa mereka dapat menggalakkan perancangan kewangan, khususnya bagi tujuan pendidikan anak-anak dilakukan secara terancang dan bersifat jangka panjang. Usaha ini diharapkan akan dapat meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat negara ini dalam membuat persediaan awal dan perancangan yang baik untuk keperluan pendidikan tinggi dan masa depan anak-anak yang lebih terjamin.

4. Saya berharap rakyat Terengganu akan merebut peluang untuk melabur dalam Amanah Saham Didik ini. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, PNB telah menunjukkan kecemerlangannya dalam menguruskan dana-dana saham amanah lebih daripada 20 tahun. Saya yakin dana Amanah Saham Didik juga akan mampu memberikan pulangan yang kompetitif berdasarkan kecemerlangan pengurusan pelaburan yang telah ditunjukkan selama ini oleh PNB. Oleh itu, inilah masa yang terbaik untuk rakyat merebut peluang ini kerana ianya bukan sahaja membantu dalam meningkatkan ekonomi diri dan keluarga, tetapi juga masyarakat dan negara.

5. Dasar ekonomi baru yang dilaksanakan oleh kerajaan, jelas membuktikan kejayaan pelaksanaannya, terutama dalam membangunkan ekonomi rakyat di negara ini. Usaha ini diteruskan lagi menerusi pelbagai dasar dan pendekatan bagi menjana pembangunan ekonomi negara untuk jangka panjang. Pelbagai langkah yang strategik dan proaktif bagi memastikan segenap lapisan rakyat di negara ini dapat mengecapi kesejahteraan dan kemakmuran hidup telahpun dilaksanakan oleh kerajaan. Usaha kerajaan menubuhkan PNB dengan memberi peluang kepada masyarakat Malaysia terutamanya bumiputera, memiliki kepentingan ekuiti dalam sektor korporat melalui pembahagian dalam bentuk unit-unit saham amanah telah berjaya menebus maruah bangsa kita. Pemilikan dan penguasaan kepentingan ekuiti

dalam lebih daripada 300 buah syarikat dalam pelbagai sektor di negara ini oleh PNB jelas menunjukkan kekuatan dan keteguhan masyarakat bumiputera mampu digembleng untuk kemajuan dan daya saing bangsa kita. Saya berharap kita semua dapat menghayati kejayaan PNB ini dan bersama-sama kita memastikan PNB terus utuh dan unggul mencipta kecemerlangan yang berterusan.

6. Bidang pendidikan merupakan salah satu agenda penting negara. Pelbagai langkah dan program telah dan sedang di jana oleh kerajaan ke arah mencapai matlamat pendidikan yang terbaik bagi rakyat. Ini adalah bersesuaian dengan perkembangan era k-ekonomi yang berorientasikan pengetahuan dan kemahiran. Usaha PNB patut dicontohi terutama dalam mengatur dan menjayakan pelbagai aktiviti berpaksikan keilmuan dan pendidikan yang mana membantu ke arah usaha mencapai matlamat pendidikan bersepadu dan berterusan untuk segenap lapisan masyarakat. Pendidikan yang diterajui oleh PNB khususnya tentang pelaburan dalam saham amanah dan hubungkait antara risiko dan pulangan dalam pelaburan jelas nyata sebagaimana yang dilaksanakan melalui penganjuran Minggu Saham Amanah Malaysia setiap tahun. Dalam usaha berterusan membangunkan negara, penumpuan kerajaan adalah ke arah pengukuhan ekonomi negara. Berasaskan hasrat bagi melahirkan masyarakat yang berdaya saing dalam pasaran, salah satu usaha kerajaan ialah menggalakkan peningkatan dana dalam industri saham amanah negara, selain menyokong penuh usaha-usaha pendidikan pelaburan yang berterusan kepada rakyat negara ini.

7. Usaha-usaha yang lebih bersepadu untuk mempromosikan saham amanah sebagai salah satu instrumen pelaburan yang terbaik perlu terus dipertingkatkan oleh semua pihak yang terlibat dalam industri saham amanah. Minggu Saham Amanah Malaysia yang kini menjadi agenda tahunan negara, pada hemat saya akan dapat membantu merealisasikan usaha peningkatan kesedaran dan kefahaman rakyat tentang industri dan pelaburan saham amanah. Dan, diharapkan dengan peningkatan kefahaman rakyat tentang kebaikan dan manfaat melabur dalam saham amanah akan mampu menarik minat mereka memilih saham amanah Sebagai instrumen pelaburan yang mana ini akan membantu meningkat giatkan lagi industri saham amanah di dalam negara. Mengikut statistik laporan tahunan 2000, kadar tabungan negara adalah sebanyak kadar 37% daripada keluaran dalam negara kasar negara. Kadar ini dapat dipertingkatkan menerusi pelaburan dalam saham amanah. Saya yakin ini akan mengukuhkan lagi industri saham amanah itu sendiri dan dapat membantu menjana pembangunan ekonomi negara.

8. Melihat kepada jumlah unit saham amanah dalam edaran yang berjumlah 66 billion sudah jelas membayangkan bahawa industri saham amanah negara ini semakin berkembang. Namun, dari segi peratusannya masih lagi rendah, iaitu lebih kurang 10 peratus daripada pasaran modal di Bursa Saham Kuala Lumpur jika dibandingkan dengan saiz keseluruhan pasaran modal. Ia juga adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Thailand, Taiwan dan India yang mana industri saham amanah merupakan 15 peratus daripada keseluruhan permodalan pasaran negara masing-masing. Manakala, jika dibandingkan dengan pasaran di negara-negara maju seperti di Eropah dan Amerika Syarikat, kita lebih jauh ketinggalan kerana industri saham amanah di negara-negara tersebut mewakili 40 peratus daripada permodalan pasaran mereka. Justeru itu, untuk menjayakan matlamat menjadi sebuah negara maju, industri saham amanah perlu lebih proaktif bagi meningkatkan sumbangan industri saham amanah di dalam pasaran permodalan negara.

9. Dalam menjayakan pertumbuhan ekonomi negara, peranan sumber manusia pelbagai sektor ekonomi juga perlu diberi penekanan utama. Sumber manusia turut memainkan peranan penting dalam memajukan industri saham amanah negara. Ini adalah kerana golongan pekerja dapat memberikan pendanaan yang cukup besar dalam perkembangan industri ini. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada pelaburan sejumlah RM 1.52 bilion di dalam saham amanah bagi tahun 2000 menerusi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Saya yakin jika ini berterusan, maka industri saham amanah negara akan terus dapat dipertingkatkan.

10. Saya amat berbangga dengan peranan PNB di dalam menerajui usaha memperkembangkan industri saham amanah ini. Daripada ASN, kemudiannya ASB dan seterusnya satu demi satu saham amanah dilancarkan oleh PNB bersesuaian dengan kepekaan para pelabur. Perkembangan dan perubahan masa menuntut PNB untuk sentiasa peka dan memikirkan saham-saham amanah terbaru serta terbaik bagi memenuhi keperluan dan matlamat pelaburan para pelabur. Jika tahun lalu PNB melancarkan Amanah Saham Malaysia untuk semua kaum, kini Amanah Saham Didik dilancarkan khusus untuk bumiputera yang turut boleh disertai oleh bayi seawal usia 6 bulan. Saham amanah ketujuh PNB ini amat bertepatan dan sesuai dengan usaha masyarakat yang kini mulai memandang pendidikan sebagai salah satu pelaburan utama untuk masa depan generasi muda. Saya berharap orang ramai akan mengambil peluang yang ditawarkan oleh PNB ini untuk melabur, khususnya sebagai persediaan pelaburan untuk pendidikan anak-anak mereka.

11. Dalam usaha membantu rakyat untuk meningkatkan keupayaan ekonomi diri dan keluarga, saya amat berharap agar lebih ramai golongan yang berpendapatan rendah dan masyarakat di luar bandar menyertai pelaburan dalam saham amanah. Namun begitu, pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini perlu terlebih dahulu mendidik masyarakat dengan ilmu pengetahuan yang merangkumi risiko pelaburan, pulangan dan faedah melabur dalam saham amanah. Pendidikan ini perlu disalurkan secara konsisten dan berterusan dengan cara yang mudah difahami masyarakat, khususnya bagi mereka yang tinggal di luar bandar. Saya yakin, sekiranya langkah pendidikan dan penerangan dilakukan secara proaktif dan berterusan, maka ia akan menarik minat ramai untuk melabur dalam saham-saham amanah yang ada dipasaran, khususnya saham-saham amanah yang diuruskan oleh PNB.

12. Menyedari akan kepentingan saham amanah sebagai pilihan pelabur bijak, maka usaha berterusan akan terus dilaksanakan oleh kerajaan untuk menarik minat dan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan pelaburan dalam saham amanah. Untuk itu, setiap usaha yang dilakukan oleh PNB dengan kerjasama pelbagai pihak yang melibatkan sektor korporat dan awam perlulah mendapat sokongan sepenuhnya daripada seluruh rakyat. Rakyat perlulah bersyukur dengan kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati sekarang dan kita sama-samalah berdoa semoga semua ini dapat diteruskan untuk kesejahteraan dan kemakmuran generasi-generasi kita yang akan datang, Insyaa'Allah. Untuk itu, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pelancaran Amanah Saham Didik peringkat negeri Terengganu ini. Mudah-mudahan, Amanah Saham Didik ini akan dapat memberikan manfaat yang menyeluruh kepada semua pihak.

13. Akhirnya, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Amanah Saham Didik peringkat negeri Terengganu.

Terima kasih.